

24 JUL 1999

Gerakan- Lim

RAKYAT DIMINTA TOLAK 'PERSEKONGKOLAN KUASA PELAMPAU'

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Rakyat diminta menolak pakatan parti-parti pembangkang pada pilihan raya umum akan datang kerana pakatan seperti itu adalah "persekongkolan oportunistik kuasa-kuasa pelampau" yang boleh memudaratkan negara.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata pakatan seperti itu akan mewujudkan ketidakstabilan politik, memberi kesan buruk terhadap suasana pelaburan negara dan menghakis apa jua kejayaan ekonomi yang telah dicapai hasil daripada usaha gigih dan tersusun sejak dua dekad lepas.

"Masing-masing (parti pembangkang) mempunyai perbezaan ideologi ekstremis yang berbeza, misalnya PAS mahu mewujudkan negara Islam manakala DAP pula mahu menegakkan sebuah negara Malaysian Malaysia yang sekular," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Persidangan Perwakilan Nasional Parti Gerakan ke 28 di sini hari ini. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lim yang juga menteri Perusahaan Utama, berkata pakatan seperti itu akan diselubungi pelbagai masalah kerana pembangkang tidak boleh bekerjasama secara tulen tanpa salah satu pihak mengorban dan berkompromi terhadap prinsipnya kepada pihak yang satu lagi.

"Sekiranya salah satu daripada parti ini bersedia mengorbankan roh politik mereka, bolehkah kita mempercayai salah satu daripada mana-mana parti ini?," katanya.

Lim berkata tidak dinafikan Gerakan dan MCA pernah bekerjasama dengan PAS ketika parti itu berada dalam Barisan Nasional antara tahun 1974 dan 1976, tetapi ketika itu, suasana amat berlainan sekali kerana PAS waktu itu dipimpin oleh pemimpin berfahaman sederhana dan bukannya golongan ulama pelampau seperti sekarang.

Katanya terdapat perbezaan dasar perjuangan antara PAS yang cuba mengetepikan wanita dengan Gerakan yang bersungguh-sungguh memperjuangkan nasib wanita bagi memastikan kaum itu tidak terpinggir daripada arus pembangunan negara.

"Hanya orang yang kepala sudah masuk angin (hadapi masalah psikologi) sahaja yang sanggup mengetepikan kaum wanita yang jumlahnya sekarang adalah lebih kurang 50 peratus daripada jumlah penduduk negara ini," kata Lim.

Dalam ucapannya, beliau turut menyentuh kejayaan dasar kawalan modal yang diilhamkan oleh Dr Mahathir, dan menyatakan hasrat parti itu supaya dasar berkenaan diteruskan.

"Saya juga ingin menyampaikan ikrar sokongan sepenuh hati Parti Gerakan terhadap Dr Mahathir, ke atas kepimpinan politiknya yang tegas dan pengurusan ekonominya yang mantap," katanya.

Beliau turut bercakap mengenai pentingnya melibatkan kaum belia dalam semua program yang dijalankan oleh kerajaan bagi mewujudkan hubungan rapat antara kedua-dua belah pihak dan memastikan kaum belia tidak mengambil sikap menentang kerajaan.

Lim berkata beliau yakin Gerakan akan terus kekal relevan pada masa akan datang kerana ia mengamalkan prinsip demokrasi tulen dan bukannya demokrasi retorika seperti DAP, dan juga kerana ia sentiasa mementingkan penggunaan kaedah dan teknologi moden yang boleh mempertingkatkan kecekapan parti itu.

--BERNAMA

tm mai